

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

**TARIKH JAWAPAN : 9 APRIL 2014 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah SAIDI untuk 2008-2013 dan kadar tarif elektrik masing-masing untuk Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Mengapa peningkatan tarif di Sabah paling tinggi peratusnya, walaupun prestasi pembekalan elektrik merupakan yang paling lemah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pada masa kini, kedudukan prestasi pembekalan elektrik di Semenanjung, Sabah dan Sarawak boleh dikatakan bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui pengurangan catatan *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) yang meliputi ketiga-tiga negeri tersebut seperti berikut:

- i. Di Semenanjung, ia menurun kepada 60.35 minit/pelanggan pada tahun 2013 berbanding 87.31 minit/pengguna pada tahun 2008;
- ii. Di Sabah, ia menurun kepada 423 minit/pelanggan pada tahun 2013 berbanding 1,856 minit/pengguna pada tahun 2008; dan
- iii. Di Sarawak, ia menurun kepada 164 minit/pelanggan pada tahun 2013 berbanding 273 minit/pengguna pada tahun 2008.

2. Dari segi kadar tarif elektrik, berkuatkuasa 1 Januari 2014, kadar purata tarif elektrik di Semenanjung telah dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kWj (atau 14.89%) daripada kadar purata semasa 33.54 sen/kWj kepada 38.53 sen/kWj. Manakala, bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan (WP Labuan), kadar purata tarif elektrik dinaikkan sebanyak 5.00 sen/kWj (atau peningkatan sebanyak 16.9%) daripada kadar semasa iaitu 29.52 sen/kWj kepada 34.52 sen/kWj. Bagi negeri Sarawak pula, sehingga Disember 2013, kadar purata tarif elektrik bagi negeri tersebut adalah pada 29.87 sen/kWj.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Semakan semula tarif elektrik di Sabah dan W.P Labuan adalah penting bagi memperbaiki kedudukan kewangan dan kemampuan SESB untuk meningkatkan keupayaan dan dayaharap sistem pembekalan elektrik di Sabah. Kenaikan kadar purata tarif elektrik sebanyak 5.00 sen/kWj (atau peningkatan sebanyak 16.9%) daripada kadar sebelum ini iaitu 29.52sen/kWj kepada 34.52 sen/kWj adalah diperlukan untuk mengimbangi jurang yang kian meningkat di antara kos pembekalan elektrik dengan kadar tarif sedia ada agar SESB dapat terus membekalkan elektrik yang berdaya harap di Sabah dan WP Labuan.

4. Kadar purata tarif elektrik sebelum ini, iaitu 29.52 sen/kWj, hanya mampu menampung 80% daripada kos operasi SESB dan tidak mencerminkan kos pembekalan sebenar SESB. Kadar tarif elektrik SESB yang rendah menjadi faktor penghalang kepada usaha untuk mempertingkatkan tahap kualiti pembekalan elektrik di Sabah.

5. Sungguhpun begitu, kedudukan prestasi pembekalan elektrik di Sabah dan WP Labuan pada masa kini kian bertambah baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Ini dapat dilihat melalui pengurangan catatan SAIDI kepada 424 minit/pelanggan pada tahun 2013 berbanding 1,856 minit/pengguna pada tahun 2008. Melalui usaha dan bantuan Kerajaan yang berterusan, Kerajaan yakin pencapaian SAIDI bagi tahun-tahun akan datang mula bertambah baik dengan pencapaian SAIDI yang dijangkakan kurang daripada 450 minit/pelanggan/tahun.
